

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI ganda usaha merakyatkan inovasi	Utusan Malaysia
2.	MOSTI sasar pengkomersialan 360 produk dalam tempoh 5 tahun	BERNAMA
3.	Sasar komersial 360 produk	Berita Harian
4.	YIM komersialkan lebih banyak barang inovasi terangkum pada akhir tahun depan	BERNAMA
5.	Azab 2 kali sebulan	Harian Metro
6.	Heavy rain just a factor in floods	New Straits Times
7.	Pertubuhan perlu elak bincang isu terlalu lama	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 15**  
**TARIKH: 20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**

# MOSTI ganda usaha merakyatkan inovasi

**KUALA LUMPUR 19 Nov.** - Selari dengan era globalisasi yang semakin kompetitif, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan menggandakan usaha bagi ‘merakyatkan inovasi’ untuk kepentingan semua pihak.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, keupayaan untuk memanfaatkan inovasi sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi menjadi semakin penting ke arah meningkatkan produktiviti dan daya saing.

Katanya, pendekatan tersebut dinamakan sebagai Inovasi Inklusif

Terbuka yang mengambil kira idea daripada pelbagai pihak termasuk masyarakat.

“Inovasi Inklusif Terbuka akan meningkatkan dan merapatkan jarak penghasilan idea yang sebelum ini bergantung penuh pada penyelidik atau ahli akademik sahaja.

“Melalui pendekatan ini, inovasi akan dapat memenuhi keperluan pasaran serta menawarkan harga berpatutan, selain meningkatkan penghasilan idea,” katanya dalam ucapan perasmian Persidangan dan Pameran Pengkomersialan MOSTI (MCCE 2015) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.

MCCE 2015 berlangsung selama dua hari bermula semalam dan menyaksikan pelancaran 25 produk di bawah agensi MOSTI yang sudah dikomersialkan dan sedia untuk dipasarkan.

Dalam pada itu, Madius berkata, kementeriannya menyasarkan pengkomersialan 360 produk menjelang tahun 2020.

“Kita menyasarkan sebanyak sekurang-kurangnya 60 produk dapat dikomersialkan setiap tahun se-

jak tahun lepas dan kini kita sudah mencapai 125 produk.

“Bagi memastikan usaha yang dilakukan dapat memberi impak kepada kemajuan negara, diharapkan agensi-agensi di bawah MOSTI dapat membentuk rangkaian pengkomersialan dan menjadi pemain industri yang menggerakkan inovasi negara,” katanya.

Tambah Madius, sempena Tahun Pengkomersialan Malaysia tahun depan, satu pusat sehenti untuk orang ramai mengkomersialkan hasil inovasi mereka akan diwujudkan.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**



## **MOSTI Sasar Pengkomersilan 360 Produk Dalam Tempoh Lima Tahun**

KUALA LUMPUR, 19 Nov ( Bernama) - **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menasarkan untuk mengkomersilkan 360 produk berinovasi dalam tempoh lima tahun iaitu sehingga 2020.

**Menterinya, Datuk Seri Panglima Madius Tangau** berkata, setakat tahun ini, MOSTI berjaya mengkomersilkan sebanyak 65 jenis produk inovasi termasuk yang dikelolakan agensi-agensinya.

"Ada lebih 1,000 produk yang dihasilkan pelbagai agensi MOSTI, termasuk 65 produk yang kini berada di pasaran serta aktif menjana ekonomi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis perasmian Persidangan dan Pameran Pengkomersilan MOSTI 2015 (MCCE2015) yang bertemakan '360 Darjah Merakyatkan Inovasi melalui Inovasi Inklusif dan Terbuka.'

"Inovasi bukanlah hanya dimonopoli oleh golongan penyelidik, profesor mahupun pengkaji makmal semata-mata, tetapi turut melibatkan seluruh rakyat.

"Malah, sejarah juga telah membuktikan kebanyakan inovasi atau ciptaan baru datangnya daripada orang biasa," katanya.

Menurut Madius, sejajar usaha memperhebatkan bidang pengkomersilan ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengisytiharkan 2016 sebagai tahun pengkomersilan Malaysia.

Inisiatif yang diterajui MOSTI itu bertujuan meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi negara. Beliau berkata, kementerian juga mewujudkan program khas dikenali 'MOSTI Social Innovation' (Inovasi Sosial MOSTI) atau MSI pada April lepas dengan peruntukan dana sejumlah RM94 juta.

Ini, katanya, selari dengan usaha untuk 'merakyatkan inovasi.'

Menurutnya, MOSTI juga bercadang mewujudkan sebuah pusat sehenti pada awal tahun depan bagi memudahkan kalangan 'inovator' atau pereka berurus dengan pelbagai agensinya.

MCCE 2015 yang merupakan rentetan daripada penganjuran tahun sebelumnya, merangkumi seminar serta kemudahan 55 ruang pameran produk inovasi serta sesi pemasaran perniagaan.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B5**  
**TARIKH: 20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**

**O MOSTI**

## Sasar komersial 360 produk

**Kementerian** Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan untuk mengkomersialkan 360 produk berinovasi dalam tempoh lima tahun iaitu sehingga 2020.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, berkata setakat tahun ini, MOSTI berjaya mengkomersialkan 65 jenis produk inovasi termasuk yang dikelolakan agensinya.

"Ada lebih 1,000 produk yang dihasilkan pelbagai agensi MOSTI, termasuk 65 produk yang kini berada di pasaran serta aktif menjana ekonomi," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**



## **YIM Komersialkan Lebih Banyak Barang Inovasi Terangkum Pada Akhir Tahun Depan**

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) - **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)**, sebuah agensi di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**, berharap akan mengkomersialkan lebih banyak barang inovasi menjelang akhir tahun depan, seiring dengan Tahun Pengkomersialan Malaysia pada 2016.

**Ketua Pegawai Eksekutif YIM, Muhammad Aziph Datuk Mustapha** berkata agensi itu menasarkan untuk menyelesaikan fasa pertama Program Impak Tinggi (HIP) keenam pada akhir tahun ini, dan akan memulakan fasa kedua pada 2016 yang akan lebih menumpukan kepada peringkat pengkomersialan.

"YIM mengenal pasti lebih daripada 1,300 barang inovasi melalui pelbagai programnya seperti Jejak Inovasi dan Cabaran Inovasi Masyarakat Akar Umbi," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata YIM berharap untuk membangunkan dan mengkomersialkan lagi sekurang-kurangnya tujuh barang, terutama dalam kategori inovasi terangkum.

YIM dilantik oleh Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, sebagai agensi peneraju untuk menggalakkan, mengenal pasti, menapis, memadankan, menaik taraf, membangunkan dan melaksanakan secara berterusan program inovasi terangkum di bawah Pelan Induk PKS-HIP 6.

-- BERNAMA

BANJIR DI SELANGOR

# AZAB 2 KALI SEBULAN

## ■ Fenomena air pasang berlaku awal, hujung bulan

Oleh Ekhwan Haque Fazlul Haque  
ekhwan@hmetro.com.my

Shah Alam

Fenomena air pasang besar sememangnya akan berlaku dua kali sebulan iaitu pada awal dan penghujung setiap bulan.

Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, pada awal bulan, kebiasaannya air pasang besar berlaku disebabkan kedudukan bumi dan bulan paling hampir antara satu sama lain.

Beliau berkata, ia menyebabkan tarikan graviti paling kuat ketika itu yang akan mempengaruhi air laut yang

menjadi lebih tinggi berbanding biasa.

"Kejadian air pasang besar normal dan kawasan yang rendah memang berisiko untuk berlaku banjir atau paras air akan naik sedikit ketika fenomena ini berlaku.

"Namun, ketika musim hujan seperti sekarang, ia antara faktor yang turut mempengaruhi berlaku kejadian banjir di beberapa kawasan tertentu di negeri ini, tetapi fenomena itu bukan faktor utama berlakunya banjir," katanya ketika ditemui Harian Metro, semalam.

Katanya, orang ramai juga tidak perlu bimbang kerana fe-


nomena itu adalah normal, tetapi perlu berwaspada jika hujan lebat melanda kawasan mereka.

Dalam pada itu, ketinggian air laut di perairan Pelabuhan Klang dijangka mencecah sehingga 4.6 meter bermula 25 hingga 26 November ini.

Jurucakap Pusat Cuaca Nasional berkata, ketinggian air laut itu dijangka berlaku sekitar jam 5 pagi untuk kedua-dua hari berikut.

Katanya, untuk tempoh antara semalam hingga 24 November depan, air laut dijangka hanya mencatatkan ketinggian antara 3.2 meter hingga 4.4 meter.

PENDUDUK memindahkan barang yang terselamat dari padam banjir di Kampung Parit Mahang, Bestari Jaya.



PENUNGGANG motosikal meredah air berikut banjir kilat.

# Heavy rain just a factor in floods

## OTHER CONTRIBUTING FACTORS:

Development and poor drainage to blame too, says Met D-G

ALIZA SHAH  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

THE level of rainfall recorded in the Klang Valley and its surrounding area is not unusual and could not have led to a natural disaster without other contributing factors, said the Meteorological Department.

Its director-general, Datuk Che Gayah Ismail, said the amount of rainfall recorded at the department's stations in Petaling Jaya and Subang on Nov 16 and 17 was lower than the highest amount of rainfall per day that the station had recorded in the past.

"On Nov 16, the rainfall recorded at our station in Petaling Jaya was 22mm and in Subang, 94mm."

"On Nov 17, the rainfall in Petaling Jaya was 38.8mm while in Subang, it was 11mm."

"These amounts were normal and below the highest daily rainfall ever recorded in Petaling Jaya, which was 158.6mm on Nov 19, 2006, and 124mm in Subang on Nov 23, 1992," she said.

Downpours, she added, were not the sole factor in flash floods.

"There are other factors, such as the use of land for development and drainage."

"Lentang rainforest, for example, can receive up to 100mm of rain, but it does not flood compared with areas with high development density," she said.

Association of Water and Energy

Research Malaysia president S. Piapakaran said the common cause of flash floods was sloppy drainage systems in construction sites.

"I have been saying over and over again, as a developing country, we are causing changes to our landscape."

"Today, we have only two-lane highways but tomorrow, we might have four-lane highways. "So the moment we reduce these permeable surfaces that absorb water, we need to provide some form of mitigation," he said.

Piapakaran said most of the drains that were built were undersized, causing excessive water to spill during heavy rain.

"We need to have a retention pond to hold the water before it goes into the drains, or we need to enlarge drains so that they can carry more water."

"Even if the drains are properly designed, we can see a lot of things inside them that clog the water."

"Water moves with energy. If its movement is blocked, it will cause the water to swell and increase its level," he said.

The government, he said, should confer enforcement power on the Department of Irrigation and Drainage (DID) to take action against developers who failed to provide proper drainage in their sites.

"DID does not have enforcement powers."

"They can tell you the technical specifications, which include the



Villagers making their way to safer ground after flash floods hit Kampung Parit Mahang, Kuala Selangor, Selangor, yesterday. Pic by Muhammad Sulaiman

design, whether there is a need to deepen the drain, but they have no power to enforce."

"The power to enforce is with the local authorities, which use whatever technical data prepared by

DID to force the developers to follow the requirement."

"We have been giving (enforcement powers) to the local authorities but they have not taken action."

"Are we willing to wait for a few

more years?"

The authorities, Piapakaran said, must identify cleared areas that needed deeper drainage to replace the natural absorption function.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 8**  
**TARIKH : 20 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)**

## **Pertubuhan perlu elak bincang isu terlalu lama**

**Kecenderungan** ASEAN membincangkan beberapa isu pada tempoh yang lama membuatkan pertubuhan itu kadangkala 'lupa' peranan sebenarnya.

Bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz, berkata banyak isu berlarutan pada tempoh yang begitu lama sedangkan ia boleh diselesaikan pada kadar segera.

Katanya, kelemahan itu secara tidak langsung merugikan kerana ASEAN seharusnya bergerak seiring dengan perubahan zaman yang semakin global.

"Kadangkala kita seakan lupa pada konsep ASEAN apabila membincangkan isu yang berkaitan dengan hal ehwal dalam negara (masing-masing).

### **Cari penyelesaian masalah**

"Ia tidak seharusnya berlaku kerana ada sebilangan isu itu, boleh diselesaikan secara rundingan dengan pihak berkaitan,"

"Kita harus fikirkan untuk bercakap mengenai isu yang akan membawa satu kerjasama menyeluruh yang memberi manfaat kepada semua negara, kalau boleh hingga ke akar umbi negara negara itu"

**Rafidah Aziz,**  
Bekas Menteri  
Perdagangan  
Antarabangsa  
dan Industri

katanya kepada media di Persidangan Inovasi Perkhidmatan Awam ASEAN (ACSC) di sini semalam.

Rafidah dijemput sebagai speaker untuk satu pembentangan khas, bertajuk 'Ke Arah Satu ASEAN' yang dikendalikan oleh Pengurus Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), Tan Sri Zarinah Anwar.

Rafidah menarik perhatian, Kerajaan Malaysia dan Thailand sebelum ini pernah menyelesaikan isu berhubung persempadanan dengan mewujudkan jawatankuasa pembangunan bersama.

"Ia (penyelesaian masalah) boleh dilakukan, tetapi adakah kita mahu melakukannya? Saya minta semua kakitangan awam fikirkan kaedah yang sesuai, daripada terus menghadiri puluhan mesyuarat yang tidak menyelesaikan apa-apa," katanya.

### **Rundingan beri semua manfaat**

Katanya, sebarang rundingan yang dilakukan harus membabitkan kerjasama yang akan memberi manfaat kepada semua negara anggota, termasuk di peringkat akar umbi.

"Kita harus fikirkan untuk bercakap mengenai isu yang akan membawa satu kerjasama menyeluruh yang memberi manfaat kepada semua negara, kalau boleh hingga ke akar umbi negara negara itu," katanya, semalam.